

NO. SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 26 MAC 2015

RUJUKAN : 7575

SOALAN:

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan pemantauan Jabatan Imigresen
terhadap Sirul Azhar yang bolos ke Australia sedangkan kesnya
masih didengari di Mahkamah.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan amalan biasa di mana sesuatu hukuman belum lagi dijatuhkan, pasport tertuduh akan dipegang oleh pihak mahkamah dan nama tertuduh akan dimasukkan ke dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengelakkan tertuduh melarikan diri ke luar negara. Namun dalam kes Sirul, Mahkamah Rayuan telah membebaskannya daripada tuduhan membunuh. Oleh yang demikian, pasport Sirul tidak lagi dipegang oleh mahkamah bagi menghalangnya keluar negara.